

# Dasar Pandang ke Timur masih relevan

## Kerjasama sinergi dengan Jepun, Korea mesti diperhebat untuk capai negara maju

Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman  
(Yang membuat liputan lawatan rasmi  
Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri  
Najib Razak ke Jepun dan Korea  
Selatan baru-baru ini.)

**A**DAKAH Dasar Pandang ke Timur yang diperkenalkan pada 1982 itu masih relevan? Jika diperbahaskan, tentu ramai yang memberikan pandangan berbeza. Apa yang pasti, dasar itu membawa banyak kebaikan dan perubahan membina kepada negara sejak lebih 20 tahun lalu.

Daripada negara berasaskan pertanian, Malaysia berjaya muncul sebagai negara pengeluar dan pengeksport pelbagai produk, termasuk yang berteknologi tinggi. Kita juga mengeksport teknologi dan perkhidmatan. Pendek kata, negara kita secara berperingkat menjadi negara industri.

Bukan itu saja, jumlah pelabur dan nilai pelaburan juga bertambah. Kedudukan ekonomi dan perdagangan juga meningkat saban tahun, walaupun ada turun naik yang kebanyakannya berpunca daripada iklim ekonomi dan politik global.

Semua kejayaan itu bersandarkan kepada beberapa faktor, tetapi tiada siapa dapat menafikan satu daripada berpunca kebijaksanaan kerajaan memperkenalkan dasar itu. Ketika itu pelbagai pihak sama ada dalam negara, mahupun dari luar mempertikaikan hasrat negara beralih angin daripada barat ke timur.

Jepun dan Korea Selatan menjadi 'kiblat' dengan mengurangkan tumpuan ke Barat. Hasilnya amat menakjubkan. Ia merubah sama sekali negara sehingga muncul satu daripada negara membangun yang kemajuannya amat pesat. Pertumbuhan ekonomi saban tahun meningkat dan pelaburan asing langsung (FDI) naik mendadak.

Lebih banyak industri diwujudkan dan lebih banyak peluang perniagaan dibuka sehingga terpaksa mengimport tenaga buruh asing bagi memenuhi keperluan. Cara bekerja rakyat Malaysia juga berubah, walaupun tidak sepenuhnya. Budaya, etika, nilai murni dan sikap bekerja juga berteraskan sikap masyarakat Jepun dan Korea.

Selain memupuk etika masyarakat Jepun dan Korea dalam diri rakyat, kita menghantar puluhan ribu rakyat belajar di dua negara berkenaan. Mereka bukan saja menimba ilmu dalam bidang seperti teknologi, kejuruteraan, teknikal, teknologi maklumat, malah mempelajari dan menerapkan nilai murni masyarakat negara itu dan membawanya kembali ke tanah air.

Selepas 25 tahun dilaksanakan apakah penilaian terhadap kejayaannya? Adakah ia masih relevan dan perlu diteruskan atau dipertingkatkan dengan menambah nilai untuk disesuaikan dengan perkembangan semasa dan diselaras hasrat negara mencapai Wawasan 2020?

Lawatan rasmi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ke dua negara berkenaan baru-baru ini mungkin boleh menjawab persoalan berkenaan. Penulis yang membuat liputan lawatan berkenaan mempunyai pandangan sendiri bagi menjawab soalan itu.

Memang jelas Dasar Pandang Ke Timur masih relevan kerana banyak yang perlu dipelajari dan dikongsi dengan Jepun dan Korea. Langkah negara berkenaan lebih pantas daripada kita walaupun sudah 25 tahun kita menjejakinya. Bukan saja untuk mengatasinya, untuk berjalan seiring sekali pun kita belum mampu.

Negara dan rakyatnya dikategorikan sebagai maju, manakala kita sedang membangun. Bagaimana mungkin kita mampu berjalan seiring kerana setiap kali kita melangkah, mereka sudah dua atau tiga langkah ke depan. Matlamat kita muncul negara maju seperti mereka adalah 13 tahun dari sekarang, manakala mereka kini sudah pun maju.

Pada 2020 nanti apabila kita baru mencapai taraf negara maju jika pun tidak lebih



CARI ILHAM: Najib bersama delegasi Malaysia dibawa melawat kompleks Samsung Techwin, lokasi K9 'Thunder' 155 mm Howitzer dibina di Busan, baru-baru ini.

### FAKTA

#### Dasar Pandang Ke Timur

- Strategi dan program meningkatkan kecekapan.
- Keberkesanan dan penghasilan kerja lebih
- Pegawai dan pelajar Malaysia dihantar ke Jepun dan Korea untuk mempelajari selok belok teknikal dan aspek pengurusan.

#### Strategi Latihan dan Kursus

- Latihan Perindustrian dan Teknikal – melatih pekerja dalam bidang teknikal bagi meningkatkan kecekapan dan menerapkan nilai kerja positif.
- Program Pengajian Akademik – memberi peluang kepada pelajar Malaysia menuntut ilmu sains dan teknikal.
- Program Pengajian Teknikal – menyediakan peluang latihan teknikal lanjutan kepada pelajar lepasan SPVM dan Politeknik.
- Program Kemajuan Eksekutif – menyediakan latihan kepada eksekutif mempelajari kaedah pengurusan dan pentadbiran kerajaan dan swasta. Penekanan program ialah latihan pengurusan Sogoshosha, Perjawatan, QCC dan pengurusan am.
- Skim Latihan Pembangunan Usahawan – program dikendalikan Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri memberi peluang dan pendedahan kepada usahawan Bumiputra idea baru dan teknologi luar untuk memajukan urusan niaga mereka. Program ini memberi peluang menjalin hubungan perniagaan.

awal daripada itu, Jepun dan Korea sudah berada jauh di depan. Sukar diramalkan tahap kemajuan yang dicapai dua negara berkenaan pada 2020. Negara kita pula mungkin setaraf dengan kemajuan yang dimiliki Jepun dan Korea sekarang.

Justeru, persoalan yang perlu ditanya ketika ini sepatutnya bukan sama ada dasar itu masih relevanterana ia terbukti berjaya dan mencapai matlamatnya. Persoalan sebenar yang perlu dicari jawapan ialah sejauh mana kesanggupan kita terus bekerja seperti masyarakat Jepun dan Korea yang membuktikan kepada dunia bahawa mereka bukan saja kuasa ekonomi dunia, malah menjadi elemen penting dalam menentukan kedudukan ekonomi global.

Harus diingat produk jenama Jepun dan Korea Selatan kini berada di seluruh pelusuk dunia. Sebut saja Sony, Samsung, LG, Honda, Kia, Hyundai, Toyota, Panasonic dan pelbagai lagi. Semuanya ada di mana-mana sama ada barang elektrik, elektronik, kenderaan, bank, kejuruteraan dan hingga siri kartun dan animasi seperti *Doraemon* terkenal di mana-mana saja.

Pelaburan mereka juga berada di mana-mana saja sehingga di sesetengah tempat mengatasi pelaburan dari negara Barat yang lebih awal maju.

Mereka membuktikannya dan tidak ada sebab mengapa kita harus berhenti belajar daripada mereka. Namun, ia perlu sedikit rombakan, iaitu bukan setakat belajar dan menimba ilmu, sebaliknya menjalin kerjasama sinergi dalam semua bidang di kedua-dua negara berkenaan.

Antara yang perlu diberi tumpuan ialah menjalin kerjasama penyelidikan dan pembangunan (R&D), kerjasama perniagaan syarikat tempatan dengan usahawan mereka serta menemukan syarikat tempatan dengan syarikat besar di Jepun dan Korea.

Najib sendiri ketika lawatan berkenaan berpendapat selain hubungan dua hala, jaringan perniagaan dalam pelbagai bidang, termasuk sains, teknologi maklumat, media digital, bioteknologi, automatif, kejuruteraan dan kejenteraan seperti pembinaan kapal perlu diperhebatkan.

Selain usaha kerajaan menarik pelaburan asing, usahawan tempatan perlu lebih agresif menjalin kerjasama dan jaringan de-

ngan ahli perniagaan kedua-dua negara, khususnya dalam bidang sains, teknologi maklumat dan automatif.

"Malaysia tiada pilihan kecuali meningkatkan rangkaian perniagaan dan perdagangan global bagi menyaingi negara lain yang kini menawarkan pelbagai kemudahan dan insentif untuk menarik pelaburan asing serta menjalin kerjasama perniagaan bersama sektor swasta.

"Di Korea misalnya, walaupun kesedaran dan sentimen kerajaan serta sektor swasta terhadap Malaysia sangat tinggi mereka sentiasa memastikan kelebihan yang mampu kita tawarkan.

"Mereka memaklumkan Malaysia adalah satu daripada negara pilihan untuk melabur dan menjalin rangkaian perniagaan, tetapi secara terbuka bertanya apa pakej menarik yang boleh kita tawarkan.

"Jika kita menawarkan pakej yang sudah dikira menarik, mereka akan bertanya lagi dan meminta pindaan dan menokok tambah perkara lain dan kita kemudian perlu membuat tawaran lain. Justeru, selain menjalin rangkaian, kita juga perlu jumpa dan kenali mereka untuk mengetahui apa yang mereka mahu," katanya.

Ahli Parlimen Dungun, Datuk Rosli Mat Hassan yang menyertai lawatan Najib di dua negara berkenaan membuat kesimpulan mudah mengenai Dasar Pandang Ke Timur. Ia selaras dengan Islam, iaitu menimba ilmu dan gunakan untuk pembangunan ummah dan negara.

"Ia selaras dengan Islam Hadhari dan konsep ulul albab Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Islam menggalakkan kita mencari ilmu dan menggukannya untuk ummah.

"Justeru, dasar yang banyak membawa manfaat kepada rakyat dan negara masih relevan, tetapi perlu penambahbaikan," katanya yang juga Pengerusi Yayasan Pelajaran Mara.

Justeru, beliau bersetuju dengan Najib bahawa antara tumpuan baru ialah menemukan syarikat tempatan yang berwisata untuk menjalin kerjasama sinergi dengan usahawan dua negara berkenaan, tetapi ia perlu meliputi semua segmen bermula daripada kajian, pengeluaran, pengedaran, import eksport dan seterusnya mengungguli perdagangan global.